



ENCIK Anwar Ibrahim menunjukan cek yang di-terima dari Enik Ali Sulaiman.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Kerajaan hargai usaha Libya mendokong institusi kita

KUALA LUMPUR, Rabu — Kerajaan Malaysia menghargai usaha Libya mendokong perubahan institusi-institusi tempatan, termasuk yang berkaitan dengan penerapan nilai-nilai Islam.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Enik Anwar Ibrahim, menyatakan hari ini Pusat Kebudayaan Libya di negara ini boleh diteladani oleh lain-lain kedutaan kerana sokongannya kepada kemajuan Bank Islam dan Universiti Islam Antarabangsa.

"Usaha itu dapat meningkatkan pengetahuan orang Islam serta rakyat negara ini mengenai budaya Islam."

Bellau berkata demikian di upacara penyampaian cek \$14,600 sebagai

sumbangan biasiswa Libya untuk 13 pelajar UIA.

"Usaha untuk mengadkan kemudahan kepada pelajar Bahasa Arab melalui kemudahan lengkap di pusat ini sangat-sangat dihargai. "Is adalah cara paling baik bagi mendedahkan masyarakat tempatan, khususnya orang Islam, kepada kekayaan budaya Islam."

Enik Anwar menjelaskan, walaupun kerajaan berusaha berunding-sunding untuk memberi kemudahan yang memuaskan kepada pelajar, masih ada yang menghadapi kesulitan.

Ketua pengarah pusat itu, Enik Tahir Al-Arabi, berkata pusat yang dibuka pada tahun 1981 itu, bersama cawangannya di seluruh dunia, bertujuan meningkatkan pengetahuan umat Islam, selaras dengan usaha mengembangkan warisan Islam.

Enik Tahir berkata, pusat di sini mempunyai 3,000 ahli berbilang kaum dan sejumlah 20,000 buku dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Arab. Makmal bahasanya pula boleh menampung keperluan is pelajar.

Menurut Setiausaha Biro Arab-Libya, Enik Ali Sulaiman Al-Aujali, Kerajaan Libya adalah yang pertama di kalangan kerajaan-kerajaan Arab yang menyokong UIA.

Tahun lalu, Kerajaan Libya memberi bantuan biasiswa kepada tiga pelajar UIA, iaitu dua mahasiswa tempatan dan seorang dari New Zealand.